


e-Bulletin ACIS

Edisi
1/2020

<https://acis.uitm.edu.my/>
<https://www.facebook.com/acis.uitm>
e-ISSN 2735-0991





Ustaz Mohd Paidi bin Norman
Pensyarah ACIS

Ringkasan Petunjuk Arah Kiblat.

Solat telah difardukan ke atas umat Islam melalui peristiwa Isra' Mikraj nabi Muhammad S.A.W. di mana solat menjadi tiang bagi agama Islam. Salah satu syarat sah solat adalah kewajipan menghadap kiblat ketika bersolat. Justeru, orang yang hendak menunaikan solat, wajib mengetahui arah kiblat dengan yakin sebelum menunaikan solat.

Dalam mazhab Syafie, terdapat 3 keadaan yang berhubung dengan permasalahan arah kiblat iaitu Kiblat Yakin, Kiblat Zhanni dan Ijtihad. Bagi tempat yang jauh seperti di Malaysia, ijtihad arah Kiblat boleh ditentukan melalui perhitungan falak atau astronomi dengan menggunakan peralatan yang bersesuaian seperti kompas, teodolit dan juga mata angin. Arah Kiblat juga boleh ditentukan berdasarkan kepada kedudukan matahari dan bintang. Kaedah-kaedah yang tersebut di atas digunapakai oleh umat Islam di seluruh dunia sehingga kini.

Terdapat beberapa kaedah dalam menentukan arah kiblat:

- 1) Kaedah Istiwa' A'dzam: Kaedah menentukan arah kiblat dengan tepat adalah dengan menggunakan kaedah Istiwa' A'dzam, iaitu merujuk kepada fenomena kedudukan matahari berada tepat di titik zenith Kaabah. Fenomena ini berlaku bagi negeri-negeri yang nilai latitudnya kurang daripada nilai sudut istiwa maksimum matahari sebanyak 23.5° .
- 2) Kaedah menggunakan buruj/bintang: Antara buruj yang memberi petunjuk terus ke arah kiblat adalah Orion. Ianya mempunyai 3 bintang yang berderetan iaitu Mintaka, an-Nilam dan an-Nitak. Arah kiblat boleh diketahui dengan mengunjurkan ketiga-tiga bintang ini ke arah barat. Walaubagaimanapun buruj ini hanya boleh kelihatan pada bulan-bulan Mac, Julai, dan Disember.
- 3) Kaedah menggunakan matahari terbenam: Menentukan arah kiblat berpanduan kepada kedudukan matahari terbenam sepenuhnya adalah tidak tepat, melainkan mengetahui perbezaan antara nilai azimut matahari dan azimut kiblat. Ini kerana kedudukan matahari akan sentiasa berubah-ubah iaitu 6 bulan kearah utara dan 6 bulan ke arah selatan.
- 4) Kaedah menggunakan kompas kiblat: Kompas merupakan alat yang mudah diperolehi dan digunakan untuk mendapatkan arah kiblat. Bagaimanapun cara penggunaannya perlulah betul kerana alat tersebut amat sensitif dengan tarikan magnetic seperti besi, arus elektrik, alat elektronik dan sebagainya. Namun ianya masih boleh digunakan sebagai langkah ijtihad terakhir dalam menentukan arah kiblat.
- 5) Kaedah menggunakan aplikasi telefon pintar: Dengan kemajuan teknologi, penentuan arah kiblat turut menjadi lebih mudah dengan adanya telefon pintar yang mempunyai sistem GPS dan akses internet. Terdapat aplikasi seperti myJakim yang dapat dimuat turun secara percuma daripada Google Play ke dalam telefon pintar. Aplikasi ini menggunakan data kedudukan GPS daripada pengguna telefon untuk menentukan arah kiblat di samping waktu solat. Walaupun terdapat lambakan aplikasi penentuan arah kiblat di telefon pintar pada masa kini, kita perlu berhati-hati dengan pemilihan aplikasi tersebut ekoran wujudnya aplikasi yang menunjukkan nilai perbezaan yang amat ketara daripada arah kiblat sebenar.



اَوَّلُ مَا يَنْبَغِي لَكُمْ لَوْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan,
MALAYSIA
Emel: korporatacis@uitm.edu.my

Terbitan
Jawatankuasa Perhubungan
Korporat & Media ACIS



UiTM *di hatiku*